

BAB 8 – TAMADUN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

(Halaman 168)

Kerajaan-kerajaan Islam**Kerajaan Bani Umayyah**

Kerajaan Bani Umayyah yang berpusat di Damsyik telah diasaskan oleh Muawiyah bin Abu Sufyan, tokoh yang cekap dalam pentadbiran. Antara pemerintah yang terkenal pada zaman Bani Umayyah termasuklah Abdul Malik bin Marwan, Al Walid bin Abdul Malik, Sulaiman bin Abdul Malik, Umar bin Abdul Aziz dan Hisyam bin Abdul Malik. Pemerintahan Bani Umayyah di Sepanyol pula diasaskan oleh Abdul Rahman al-Dakhil yang banyak memainkan peranan dalam kegiatan keilmuan dan perluasan wilayah Islam. Pemimpinnya yang terkenal ialah Abdul Rahman al-Ausat dan Abdul Rahman an-Nasir.

Kerajaan Bani Umayyah berjaya meluaskan empayaranya sehingga Khurasan, Afganistan, India, Morocco, Andalusia, Bordeau dan Pointiers (di Perancis), Crete, Cyprus sehingga sebahagian Sicili. Kawasan pemerintahan Islam ketika itu amat luas dengan pusat pemerintahan di Damsyik. Pentadbiran negara menggunakan bahasa Arab sehingga lahir tokoh tatabahasa, iaitu Sibawaih serta penyair-penyair Arab seperti Umar Ibn Abi Rabi'ah dan al-Farazdaq. Bidang keilmuan juga tertumpu pada keagamaan termasuklah fiqh, hadis serta bidang sains dan teknologi. Semasa pemerintahan Umar Abdul Aziz, baginda membukukan hadis yang belum dibukukan. Hal ini dapat memelihara hadis-hadis sahih daripada bercampur dengan hadis-hadis palsu.

Bangunan juga didirikan dengan tersgam indah seperti istana dan masjid yang dihias batu permata. Contohnya, pembinaan Masjid Cordova dan istana al-Hambra di Sepanyol.

Kerajaan Abbasiyah

Kerajaan Abbasiyah yang mengusai politik dan pemerintahan negara Islam dikatakan sebagai zaman kemuncak kegemilangan Tamadun Islam. Pada zaman inilah kegiatan intelektual berkembang pesat terutama semasa pemerintahan Harun al-Rasyid dan anaknya Al-Makmun. Kegiatan penterjemahan dan pengkajian ilmu pengetahuan asing khususnya Yunani telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat terutamanya dengan tertubuhnya Bait al-Hikmah. Bidang keilmuan berkembang seperti perubatan, astronomi, matematik,

kimia dan falsafah. Antara tokoh ilmuan yang masyhur termasuklah Ibn Sina, Ibn Haitham, al Ghazali, Hunayn bin Ishaq dan Abu Nasr al-Farabi. Pertembungan tamadun berlaku antara tamadun Islam dengan tamadun asing sehingga penyebaran tamadun Islam ke Eropah berlaku dengan pesatnya.

Di Andalusia, Tamadun Islam berkembang hampir lapan abad. Orang Islam yang cintakan ilmu menjadi perintis perkembangan tamadun di Andalusia. Pemerintah menaungi kegiatan intelektual ketika itu. Sarjana dari seluruh dunia Islam telah dibawa masuk ke Andalus. Pemerintah juga telah menaja pelajar-pelajar untuk mendalami pelbagai bidang ilmu. Antara khalifah yang sangat dedikasi dalam bidang ilmu termasuklah Abdul Rahman. Baginda membina universiti dan menaungi kegiatan keilmuan serta memberikan ganjaran dan elauan. Banyak pusat pengajian dan universiti telah didirikan di Seville, Granada, Toledo, Velencia dan Cordova. Kecemerlangan tamadun Islam di Andalus telah memberikan kesan kepada pemikiran masyarakat Eropah.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah

Kerajaan Turki Uthmaniyyah diasaskan oleh Uthman bin Ertughrul bin Sulaiman Shah. Kerajaan ini mencapai kemuncak apabila Sultan Muhammad al-Fatih berjaya menguasai Constantinople pada tahun 1453 M. Kerajaan Uthmaniyyah yang juga dikenali sebagai Ottoman merupakan sebuah empayar Islam terbesar yang telah memerintah dari tahun 680 H/1281 M sehingga 1342 H/1924 M. Kerajaan ini bertahan selama kira-kira enam abad sehingga runtuh selepas berlakunya Perang Dunia Pertama.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah berjaya melebarkan empayaranya dan pengaruh Tamadun Islam hingga Eropah Timur. Antara pemerintahnya yang terkenal termasuklah Sultan Murad I, Sultan Murad II, Sultan Bayazid I, Sultan Muhamad al-Fatih, Sultan Salim I dan Sultan Sulaiman Qanuni. Pemerintah Uthmaniyyah begitu menitikberatkan soal ketenteraan dengan menubuhkan pasukan tentera terlatih dalam selok-belok peperangan yang dikenali sebagai Janissari.

Pemimpin-pemimpinnya juga memiliki kewibawaan, kekuatan peribadi dan moral yang tinggi, hingga mampu membawa Uthmaniyyah ke tahap yang tinggi. Empayaranya berkembang ke Afrika Utara di sebelah barat daya, Parsi di sebelah timur dan beberapa kawasan takluk seperti Mesir, Balkan dan Syria. Secara amnya, Kerajaan Turki Uthmaniyyah ini lebih banyak memiliki taklukan di Eropah berbanding dengan di Asia.

Rujukan:

- Esa Khalid, 2001. Konsep Tamadun Islam: Sains dan Teknologi. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
Hamka, 2016. Sejarah Umat Islam. Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
Osman Bakar, 2012. Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
Mahayudin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, 1994. Sejarah Islam. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Wan Abdul Rahman Latif, 2001. Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.